



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN  
BIL. 1 TAHUN 2009**

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

**GARIS PANDUAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM  
BAGI PENGAWAL KESELAMATAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan baru mengenai garis panduan pakaian seragam bagi pengawal keselamatan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini pemakaian pakaian seragam bagi pengawal keselamatan adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan di bawah surat arahan Kementerian bertarikh 7 Februari 2006 dan Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1 Tahun 2006. Adalah didapati bahawa peraturan dan syarat pemakaian pakaian seragam bagi pengawal keselamatan adalah terlalu umum dan terdapat cadangan supaya peraturan dan syarat-syarat ini disemak semula.

3. Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji dan menyemak semula peraturan pemakaian pakaian seragam bagi pengawal keselamatan bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian pakaian seragam serta meningkatkan imej pengawal keselamatan.

## GARIS PANDUAN MENGENAI PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM BAGI PENGAWAL KESELAMATAN

4. Bagi maksud menyeragamkan pemakaian pakaian seragam pengawal keselamatan, syarikat kawalan keselamatan adalah dikehendaki supaya mematuhi garis panduan yang ditetapkan mengenainya seperti berikut:

### 4.1 Warna dan jenis fabrik pakaian seragam

Pilihan	Baju Kemeja	Seluar
Kombinasi 1	<i>Beige</i> 14 (MS 888)	Hitam 9 (MS 888)
Kombinasi 2	Putih 8 (MS 888)	Biru Gelap 8021 (MS 888)
Kombinasi 3	Biru 8005 (MS 888)	Biru Gelap 8021 (MS 888)

**\* Warna-warna lain adalah tidak dibenarkan.**

### 4.2 Baju

- Lelaki  
Baju kemeja dengan dua poket tampal di bahagian dada. Baju di masukkan ke dalam seluar (*tuck-in*). *Bush jacket* tidak dibenarkan;
- Wanita  
Kemeja *bush jacket* bertangan pendek/panjang dengan dua poket tampal di bahagian dada dan dua poket dalam bertudung di bahagian bawah pinggang;
- Rantai wisel dipakai antara butang kedua dan ketiga serta wisel dimasukkan ke dalam poket sebelah kiri;
- Logo syarikat pada lengan kiri baju;
- Logo PPKKM pada lengan kanan baju;
- *Tag* nama pengawal pada bahagian atas poket kanan baju; dan
- Nama syarikat pada bahagian atas poket kiri.

#### 4.3 Seluar

- Seluar panjang berwarna gelap.

#### 4.4 Pakaian Kepala

- Pakaian kepala mestilah dipakai semasa bertugas kecuali di dalam bangunan berbumbung;
- Pilihan warna pakaian kepala bergantung pada kesesuaian syarikat. Walau bagaimanapun, hanya satu warna pakaian kepala dibenarkan bagi setiap syarikat (cth: *beret, peak cap, bowler cap*);
- Bagi wanita bertudung, tudung berwarna hitam sahaja dibenarkan. Tudung perlu dimasukkan ke dalam baju. Manakala wanita tidak bertudung, rambut perlu diikat dengan kemas;
- Pengawal keselamatan bangsa Sikh perlu memakai *sarban* berwarna hitam; dan
- Rambut mestilah pendek serta kemas (lelaki).

#### 4.5 Tali Pinggang

- Tali pinggang berwarna hitam dengan *buckle* tanpa corak (*plain*).

#### 4.6 Kasut

- Kasut bertali warna hitam. Kasut kanvas dan sukan tidak dibenarkan.

#### 4.7 Stokin

- Stokin berwarna hitam/ gelap (*plain*).

#### 4.8 Aksesori-aksesori lain

- Epaulette berwarna hitam bagi pengawal keselamatan.

- Epaulette bagi pengawal keselamatan mempunyai perkataan "SECURITY" berwarna kuning emas di hujungnya;
- Lencana pangkat pada epaulette samada berbentuk *stripe* atau butang berbentuk *metal* (*engrave* pada butang pangkat hanyalah mengikut logo syarikat sahaja). Pemakaian pangkat tertakluk kepada syarikat masing-masing;
- Menggantung cota di sebelah kanan seluar;
- Warna tali wisel atau *lanyard* mengikut pilihan syarikat kawalan keselamatan;
- Pemakaian tali leher hanya dibenarkan mengikut kesesuaian tempat bertugas;
- Kad pengawal keselamatan perlu dipakai sepanjang masa bertugas;
- Menggunakan tag nama pengawal berwarna hitam dengan tulisan berwarna putih;
- Penggunaan cermin mata hitam tidak dibenarkan semasa bertugas kecuali bagi mereka yang mendapat kelulusan daripada pegawai perubatan atas sebab-sebab kesihatan;
- Dilarang memakai beg gelas atau *pouch* semasa bertugas; dan
- Aksesori seperti barangan kemas tidak dipakai secara keterlaluan.

6. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk mematuhi garis panduan yang dikeluarkan ini bagi memastikan keseragaman pemakaian pakaian seragam pengawal keselamatan masing-masing.

7. Kementerian akan meneliti dan mengkaji dari semasa ke semasa keperluan pakaian seragam pengawal keselamatan dalam usaha untuk menyediakan keadaan yang selesa kepada pengawal di samping secara tidak langsung meningkatkan imej industri kawalan keselamatan. Pengekalan keseragaman ini juga diharap dapat mewujudkan keyakinan dan keterampilan diri seorang pengawal keselamatan.

8. Selain dari syarat-syarat tambahan di atas, semua syarikat kawalan keselamatan adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan mengikut Akta berkenaan.


### **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1 Tahun 2009 ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM )**

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

Tarikh : 02/12/09

s.k: Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)